

31 OCT 2003

S'pura-Ucapan/I

GOH CHOK TONG HANTAR UCAPAN SELAMAT KEPADA DR M DAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mengutus ucapan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia dan juga ucapan selamat kepada Tun Dr Mahathir Mohamad bagi apa sahaja yang beliau lakukan pada masa depan.

Dalam perutusannya kepada Abdullah, Goh berkata beliau mengambil alih jawatan itu semasa berlaku perubahan besar dan ketidaktentuan di arena antarabangsa.

Abdullah berada dalam kedudukan yang baik untuk meningkatkan lagi pencapaian Dr Mahathir dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang moden, progresif dan berkeyakinan dengan ekonominya yang mantap, kata Perdana Menteri negara pulau itu dalam sepucuk surat.

Salinan surat itu difaks ke Bernama oleh Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini.

Abdullah hari ini mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri menggantikan Dr Mahathir yang menerajui negara lebih 22 tahun.

Goh juga menjemput Abdullah dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood melawat negaranya pada peluang terawal dan berharap kedua-dua mereka akan terus sihat sejahtera dan menempuh kejayaan.

Dalam perutusan kepada Dr Mahathir pula Goh berkata: "Rakyat Malaysia bangga dengan apa yang mereka telah capai, dan siapa mereka pada hari ini. Dengan peralihan kuasa yang berjalan lancar, pengganti anda Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berada dalam kedudukan yang baik untuk meneruskan dengan apa yang anda telah lakukan."

Goh berkata Singapura dan Malaysia berkongsi banyak persamaan dan sebarang masalah dalam hubungan dua hala boleh diselesaikan melalui semangat muhibah selain perkukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Goh dan isterinya berharap Dr Mahathir serta isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali akan terus menikmati kesihatan yang baik dan kebahagiaan.

-- BERNAMA

HS HS PR